

2 Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa



Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa

Tinjauan

Ekonomi global berkembang sederhana

Pada tahun 2011, kegiatan ekonomi global dijangka sederhana dalam persekitaran paras pemulihan ekonomi negara maju yang semakin tidak menentu. Dalam tempoh separuh pertama 2011, ekonomi global telah berkembang pada kadar yang lebih tidak setara. Kebanyakan ekonomi negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain terus mencatat pertumbuhan yang kukuh. Dasar monetari yang diperketatkan melalui kenaikan kadar faedah dan keperluan rizab berkanun serta nilai mata wang yang semakin kukuh telah memberi kesan ke atas prestasi pertumbuhan ekonomi di beberapa negara tersebut. Sebaliknya, ekonomi negara-negara maju mencatat kadar pertumbuhan yang lebih perlahan. Amerika Syarikat (AS) dan kawasan euro terus bergelut dengan kadar pengangguran yang tinggi, tahap pembaharuan sektor kewangan yang perlahan serta paras defisit fiskal dan hutang yang tinggi. Gangguan rantai pengeluaran dan bekalan berikutan bencana gempa bumi di Jepun serta kekurangan pengeluaran minyak mentah akibat pergolakan di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) juga telah menjejaskan kegiatan ekonomi global.

Keadaan ekonomi global dijangka semakin mencabar dalam tempoh separuh kedua 2011. Dari sudut yang positif, momentum pertumbuhan yang kukuh di China, India dan ekonomi lain yang berkembang pesat dan membangun dijangka berterusan disokong oleh permintaan domestik yang mampan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di negara maju yang utama seperti kawasan euro, AS dan Jepun dijangka semakin lemah. Risiko pertumbuhan yang lebih perlahan semakin meningkat berikutan kedudukan fiskal

di negara maju yang terhad disebabkan oleh paras defisit fiskal dan hutang awam yang tinggi. Usaha bagi melaksanakan langkah monetari selanjutnya juga terhad, memandangkan kadar faedah pada masa kini berada di paras yang rendah. Paras hutang isi rumah yang tinggi di AS terus menghakis keyakinan dan mengekang perbelanjaan pengguna. Di samping itu, penularan risiko krisis hutang berdaulat ke negara lain di kawasan euro telah menjejaskan keyakinan peniaga dan pelabur. Pertumbuhan ekonomi di

JADUAL 2.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar bagi Negara Terpilih 2010 – 2012

	Perubahan (%)		
	2010	2011 ¹	2012 ²
Dunia	5.1	4.0	4.0
Negara maju	3.1	1.6	1.9
Amerika Syarikat	3.0	1.5	1.8
Kawasan euro	1.8	1.6	1.1
Jepun	4.0	-0.5	2.3
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun	7.3	6.4	6.1
China	10.3	9.5	9.0
Republik Korea	6.2	3.9	4.4
India	10.1	7.8	7.5
ASEAN			
Singapura	14.5	5.0 – 6.0	4.8
Thailand	7.8	4.0	4.5
Indonesia	6.1	6.5	6.8
Filipina	7.6	7.0 – 8.0	5.1
Vietnam	6.8	6.0	6.5
Malaysia	7.2	5.0 – 5.5	5.0 – 6.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: International Monetary Fund, Asian Development Bank dan pihak berkuasa negara.

AS dan kawasan euro yang semakin perlahan dijangka mengekang pertumbuhan ekonomi negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain yang bergantung kepada eksport. Mengambil kira ketidaktentuan ini, pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2011 pada keseluruhannya dijangka lebih rendah iaitu 4% (2010: 5.1%).

Prestasi Ekonomi Global

Asia menerajui pertumbuhan

Pertumbuhan ekonomi **AS** berkembang pada kadar yang lebih perlahan, 1.9% dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 2.8%) berikutan pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang sederhana dan penguncupan perbelanjaan kerajaan. Perbelanjaan isi rumah yang merupakan lebih 70% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kekal rendah. Perbelanjaan isi rumah ini meningkat 2.5% disebabkan kadar pengangguran yang terus tinggi pada purata 9% (Januari – Ogos 2010: 9.6%). Peningkatan harga makanan dan bahan api juga memberi kesan terhadap perbelanjaan isi rumah. Perbelanjaan penggunaan kerajaan dan pelaburan kasar merosot 1.7% (Januari – Jun 2010: 1%) berikutan pengurangan peruntukan belanjawan yang membawa kepada perbelanjaan yang lebih rendah bagi pertahanan serta negeri dan kerajaan tempatan.

Keadaan pasaran buruh yang lemah terus memberi tekanan terhadap penurunan harga rumah dan menyebabkan pelaburan rumah kediaman terus menguncup 5% (Januari – Jun 2010: -1.3%). Perumahan baharu menyusut 2.9% dan permit pembinaan bangunan 4.3% (Januari – Ogos 2010: 11.5%; 10.2%) disebabkan lebih harta tanah yang disita. Pembinaan komersial mencatat pertumbuhan marginal 2.5% (Januari – Jun 2010: -22.8%) berikutan amalan pemberian pinjaman yang ketat oleh pihak bank. Walau bagaimanapun, ekonomi AS telah mendapat faedah daripada pelaburan perniagaan dalam peralatan dan perisian baharu yang terus merekodkan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.6% (Januari – Jun 2010:

12%) didorong oleh keuntungan korporat yang kukuh. Peningkatan eksport pada paras yang mampan 8.1% (Januari – Jun 2010: 12.1%) juga telah menyumbang secara positif kepada keseluruhan pertumbuhan tersebut.

Aktiviti pembuatan yang diukur melalui indeks pembuatan Institute for Supply Management merosot 10.8 mata peratusan daripada 61.4% pada Februari 2011 kepada 50.6% pada Ogos 2011, iaitu bacaan terendah sejak Julai 2009. Trend penurunan tersebut berpunca daripada harga komoditi yang lebih tinggi dan gangguan rantaian bekalan, terutamanya dalam industri automobil. Pada Ogos 2011, indeks bukan pembuatan turut berada pada paras yang rendah, iaitu 53.3% berbanding 59.7% pada bulan Februari, iaitu paras yang tertinggi sejak 2008. Sementara itu, inflasi mencecah 3.8% pada bulan Ogos (Ogos 2010: 1.1%) berbanding 1.6% yang dicatat pada Januari 2011 disebabkan harga bahan api yang semakin meningkat akibat gangguan bekalan minyak kesan pergolakan di Timur Tengah.

Selaras dengan risiko ekonomi yang semakin meningkat, Federal Reserve Board telah mengekalkan kadar polisinya antara 0% dan 0.25% sejak Disember 2008 dan komited untuk mengekalkannya sehingga pertengahan tahun 2013. Antara risiko ekonomi termasuk kadar pengangguran yang tinggi, isu defisit fiskal, kelembapan pasaran perumahan dan peningkatan harga makanan. Tambahan pula, keyakinan perniagaan dan pengguna turut terjejas akibat kelewatan kerajaan dalam mencapai persetujuan mengenai siling hutang fiskal. Keadaan ini juga telah menyebabkan Standard & Poor's menurunkan penarafan hutang kerajaan AS daripada AAA kepada AA+ dengan prospek yang negatif. Berikutan penurunan penarafan dan kebimbangan mengenai risiko kelembapan ekonomi global, pertumbuhan suku kedua AS yang lemah dan krisis hutang berdaulat kawasan euro yang semakin teruk, indeks Dow Jones Industrial Average (Dow Jones) telah merosot 512.76 mata pada 4 Ogos 2011. Penurunan sehari tersebut merupakan yang terbesar sejak 1 Disember 2008 apabila indeks Dow Jones menjunam ke paras 679.95 mata. Pada tahun

2011, AS dijangka mencatat pertumbuhan yang semakin perlahan 1.5% (2010: 3%).

Kawasan euro mencatat pertumbuhan 2.1% dalam tempoh separuh pertama 2011 (Januari – Jun 2010: 1.4%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan bagi 17 negara anggota adalah pada kadar yang tidak setara, dengan Jerman dan Perancis mencatat prestasi yang lebih baik. Portugal, Ireland dan Greece terus mencatat prestasi yang lembab disebabkan oleh masalah hutang berdaulat negara tersebut. European Central Bank telah menaikkan kadar polisi sebanyak dua kali, iaitu 25 mata asas setiap kali kepada 1.5% pada tahun ini untuk mengekang kenaikan inflasi yang berada pada tahap 2.5% (Ogos 2010: 1.6%). Pada tahun ini, ekonomi kawasan euro dijangka berkembang 1.6% (2010: 1.8%).

Jerman, iaitu ekonomi terbesar di kawasan euro, mencatat pertumbuhan teguh 3.7% (Januari – Jun 2010: 3.7%) disumbang sebahagian besarnya oleh prestasi eksport yang kukuh. Eksport berkembang 15.7% (Januari – Jun 2010: 16.2%) disokong oleh permintaan yang tinggi, terutamanya untuk kenderaan bermotor, peralatan jentera, produk kimia dan peralatan elektrik. Pertumbuhan juga disokong oleh permintaan domestik dengan pelaburan meningkat dengan kukuh sebanyak 9.6%, sementara penggunaan swasta mencatat peningkatan yang sederhana sebanyak 1.7%. Kadar pengangguran menyusut kepada 7% (akhir Ogos 2010: 7.6%) berikutan permintaan guna tenaga yang lebih tinggi, terutamanya dalam industri automobil. Inflasi meningkat 2.3% (Ogos 2010: 1%) disebabkan peningkatan caj tenaga dan elektrik berikutan harga minyak yang semakin tinggi. Pertumbuhan keseluruhan pada tahun ini dijangka pada paras 2.7% (2010: 3.6%).

KDNK Perancis berkembang 1.9% (Januari – Jun 2010: 1.4%) didorong terutamanya oleh pelaburan yang meningkat 3.5% dan penggunaan swasta, sebanyak 1.2% (Januari – Jun 2010: -3.4%; 1.3%). Pengeluaran pembuatan berkembang 5.1% dijana oleh peningkatan peralatan mesin, elektrik dan elektronik (8%) serta peralatan pengangkutan (5.3%). Inflasi meningkat 2.2% (Ogos 2010: 1.4%) disebabkan terutamanya oleh

harga tenaga dan komoditi global yang tinggi. Pada tahun 2011, pertumbuhan ekonomi Perancis dijangka berkembang 1.7% (2010: 1.4%).

Ekonomi **Jepun** menguncup 1% (Januari – Jun 2010: 4.4%) disebabkan penggunaan swasta yang semakin merosot dan penguncupan mendadak dalam sektor pembuatan berikutan bencana gempa bumi dan tsunami pada 11 Mac 2011. Dari segi permintaan, penggunaan swasta menguncup 0.8% (Januari – Jun 2010: 2.2%) disebabkan pengurangan kadar perbelanjaan isi rumah kesan daripada keyakinan pengguna yang kian lemah. Indeks keyakinan pengguna terus menunjukkan bacaan di bawah 50 mata daripada 41.1 mata pada Januari 2011 kepada 36.2 mata pada Jun 2011. Di samping itu, eksport mencatat pertumbuhan sederhana pada 8% (Januari – Jun 2010: 43.5%) disebabkan gangguan rantaian bekalan yang membataskan jualan luar negeri. Walau bagaimanapun, pelaburan swasta mula meningkat berikutan usaha pembangunan semula dengan pelaburan kediaman melonjak 4.2% dan perniagaan 1.1% (Januari – Jun 2010: -14.3%; -1.5%).

Dari sudut penawaran, sektor pembuatan menguncup, seperti yang ditunjukkan oleh Purchasing Managers' Index (PMI) yang mencatat purata 49.7 mata (Januari – Jun 2010: 53.3 mata). Penguncupan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh gangguan rantaian bekalan yang memberi kesan kepada pengeluar utama di wilayah Iwate, Miyagi, Fukushima dan Ibaraki. Gangguan bekalan tenaga elektrik berikutan penutupan loji jana kuasa nuklear Fukushima turut menjejaskan pengeluaran. Jualan runcit menguncup 2.3% (Januari – Jun 2010: 3.7%) disebabkan terutamanya oleh penurunan jualan kenderaan bermotor dan jentera. Kadar pengangguran adalah lebih rendah pada 4.7% (Julai 2010: 5.1%) berikutan langkah kerajaan melanjutkan tempoh program bantuan kewangan sementara yang diperkenalkan pada September 2010 kepada tahun 2011. Di bawah program ini, syarikat-syarikat ditawarkan bantuan sebanyak USD1,200 sebulan untuk setiap graduan yang diambil bekerja secara sementara dan bayaran tambahan secara sekali sahaja sebanyak

USD6,000 sekiranya graduan tersebut ditawarkan pekerjaan secara sepenuh masa selepas tiga bulan bekerja. Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 0.2% (Julai 2010: -1%) disebabkan terutamanya oleh kos tenaga dan pengangkutan yang lebih tinggi. Bank of Japan terus mengekalkan kadar polisi antara 0% dan 0.10% untuk menggalakkan pertumbuhan kredit. KDNK Jepun dijangka menguncup perlahan 0.5% pada tahun 2011 (2010: 4%) berikutan pertumbuhan kecil sektor pembuatan pada separuh kedua tahun ini.

Pertumbuhan KDNK **China** kekal kukuh pada 9.6% (Januari – Jun 2010: 11.1%) didorong oleh permintaan domestik yang mantap. Penggunaan swasta meningkat berikutan perbelanjaan per kapita di bandar yang lebih tinggi 13.2% dan luar bandar 20.4% (Januari – Jun 2010: 10.2%; 12.6%). Pelaburan awam kekal kukuh pada

25.6% (Januari – Jun 2010: 25%) disumbang sebahagian besarnya oleh pelaksanaan rancangan perumahan kos rendah kerajaan. Di samping itu, pelaburan swasta bagi harta tanah meningkat 32.9% (Januari – Jun 2010: 38.1%) disebabkan terutamanya oleh permintaan bagi unit kediaman yang kukuh. Eksport terus berkembang dua angka sebanyak 24% (Januari – Jun 2010: 35.2%) meskipun nilai mata wang yuan lebih kukuh dan pemulihan eksport ke AS dan Kesatuan Eropah (EU) yang perlahan.

Sektor pembuatan berkembang pada kadar yang lebih perlahan berikutan permintaan luar yang sederhana. Ini ditunjukkan oleh PMI pembuatan yang mencatat purata 52.4 mata (Januari – Jun 2010: 54.1 mata). Pertumbuhan jualan runcit adalah lebih sederhana iaitu 16.8% (Januari – Jun 2010: 18.2%) berikutan jualan kenderaan yang rendah disebabkan oleh penghapusan subsidi oleh kerajaan bagi pembelian kenderaan cekap tenaga di seluruh negara dan pengenalan had pembelian kereta baharu. IHP meningkat kepada 6.2% (Ogos 2010: 3.5%) disebabkan oleh harga makanan yang lebih tinggi (13.4%), terutamanya daging khinzir (45.5%) serta perumahan (5.5%). People's Bank of China telah meningkatkan keperluan rizab berkanun institusi kewangan utama sebanyak enam kali sejak Januari 2011 kepada 21.5% bagi mengawal pertumbuhan pinjaman. Pada tahun 2011, kadar polisi dinaikkan 25 mata asas sebanyak tiga kali kepada 3.50% pada akhir bulan Julai untuk membendung inflasi. Pada tahun 2011, KDNK China dijangka berkembang 9.5% (2010: 10.3%).

KDNK **Republik Korea (ROK)** berkembang 3.8% (Januari – Jun 2010: 8%). Pertumbuhan disokong oleh eksport kukuh yang berkembang 24.2% (Januari – Jun 2010: 34.3%) berikutan permintaan ke atas elektronik, kenderaan bermotor dan petrokimia yang lebih tinggi. Penggunaan swasta terus meningkat 3% (Januari – Jun 2010: 5%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas kenderaan dan produk audio-visual manakala pelaburan swasta, terutamanya bagi kemudahan pembuatan meningkat 9.5% (Januari – Jun 2010: 29.8%). Sektor pembuatan

JADUAL 2.2

**Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih
2010 – 2011**

	Perubahan (%)	
	2010	2011 ¹
Dunia	3.7	5.0
Negara maju	1.6	2.6
Amerika Syarikat	1.6	3.0
Kawasan euro	1.6	2.5
Jepun	-0.7	-0.4
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun	6.1	7.5
China	3.3	5.5
Republik Korea	3.0	4.5
India	12.0	10.6
ASEAN		
Singapura	2.8	3.7
Thailand	3.3	4.0
Indonesia	5.1	5.7
Filipina	3.8	4.5
Vietnam	9.2	18.8
Malaysia	1.7	3.0 – 3.5

¹ Anggaran.

Sumber: International Monetary Fund dan pihak berkuasa negara.

berkembang 8.5% (Januari – Jun 2010: 19.8%) disokong oleh pengeluaran produk elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan dan produk petroleum yang lebih tinggi. Ini ditunjukkan oleh PMI pembuatan yang mencatat purata 52.3 mata (Januari – Jun 2010: 55.7 mata).

Sementara itu, subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang 7.7% (Januari – Jun 2010: 9.1%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi berikutan pendapatan yang meningkat. Di samping itu, kadar pengangguran berkurang kepada 3% pada Ogos 2011 berbanding 4.5% rekod tertinggi yang dicatat pada Februari 2011 (Ogos 2010: 3.3%) disebabkan oleh peluang pekerjaan yang lebih baik dalam sektor swasta. Inflasi kekal tinggi pada 5.3% (Ogos 2010: 2.6%) akibat kenaikan harga hasil pertanian dan kos pengangkutan. Bagi membendung tekanan inflasi, Bank of Korea telah menaikkan kadar polisi penanda aras tiga kali kepada 3.25% sejak Januari 2011. Bagi tahun 2011, pertumbuhan dijangka kekal stabil pada 3.9% (2010: 6.2%) setelah mengambil kira jangkaan prestasi eksport yang lebih baik, terutamanya ke China dan Jepun serta permintaan domestik yang lebih kukuh dalam tempoh separuh kedua 2011.

Ekonomi **India** berkembang 7.8% (Januari – Jun 2010: 9.1%) didorong terutamanya oleh kepesatan sektor perkhidmatan yang meningkat 9.3% dan pertanian 5.7% (Januari – Jun 2010: 10.2%; 1.7%). Subsektor perdagangan, hotel, pengangkutan dan komunikasi mencatat pertumbuhan kukuh 11% (Januari – Jun 2010: 12.9%), manakala pengeluaran ladang bertambah disebabkan oleh musim monsun yang baik. Pertumbuhan stabil dalam penggunaan swasta, perbelanjaan dan pelaburan kerajaan turut menyumbang kepada pengembangan ekonomi. Sementara itu, inflasi yang diukur oleh indeks harga borong kekal tinggi pada 9.8% (Ogos 2010: 8.9%) kesan daripada harga makanan dan bahan api yang tinggi. Tekanan inflasi yang berterusan telah mendorong Reserve Bank of India untuk mengetatkan dasar monetari sejak Januari 2010. Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2011, kadar polisi telah

dinaikkan sebanyak enam kali kepada 8.25%. Pada tahun 2011, pertumbuhan dijangka mencatat 7.8% (2010: 10.1%) disokong oleh pembangunan infrastruktur, pelaburan swasta dan permintaan pengguna.

Ekonomi Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) terus mencatat pertumbuhan positif berikutan permintaan luar dan domestik yang meningkat, mencerminkan kekukuhan keseluruhan ekonomi dan kewangan di rantau ini. KDNK **Indonesia** berkembang 6.5% (Januari – Jun 2010: 5.9%) didorong sebahagian besarnya oleh eksport yang kukuh, pelaburan yang cergas dan penggunaan swasta yang teguh. Eksport berkembang 14.9% berikutan permintaan komoditi yang lebih tinggi seperti getah dan kelapa sawit. Pelaburan turut meningkat 8.3% disumbang sebahagian besarnya oleh perbelanjaan bagi import jentera dan kelengkapan. Penggunaan swasta meningkat 4.5% berikutan pengangguran yang semakin menurun dan kadar upah yang terus meningkat. Inflasi meningkat secara sederhana kepada 4.8% (Ogos 2010: 6.4%), mencerminkan penurunan harga semua kategori perbelanjaan, terutamanya makanan. Bank Indonesia telah mengekalkan kadar polisi pada 6.75% sejak bulan Februari dalam keadaan tekanan inflasi yang rendah. Pada tahun 2011, ekonomi Indonesia dijangka berkembang 6.5% (2010: 6.1%).

Ekonomi **Filipina** meningkat secara sederhana 4% (Januari – Jun 2010: 8.7%) disebabkan terutamanya oleh pelaburan awam yang rendah dan prestasi perdagangan luar yang kurang memberangsangkan. Terdapat penurunan yang ketara dalam aktiviti sektor pembinaan awam, manakala eksport, terutamanya komponen elektronik, terjejas akibat gangguan rantaian bekalan global berikutan gempa bumi pada bulan Mac di Jepun. Inflasi meningkat 4.7% (Ogos 2010: 4%) disebabkan terutamanya oleh harga minyak dan makanan yang semakin meningkat. Pada bulan Mei, Bangko Sentral ng Pilipinas telah menaikkan kadar polisi kepada 4.50%. Pada tahun 2011, KDNK Filipina dijangka berkembang antara 7% dan 8% (2010: 7.6%).

Pertumbuhan KDNK **Singapura** meningkat secara sederhana 4.9% (Januari – Jun 2010: 18%) disebabkan terutamanya oleh output pembuatan yang lebih perlahan dan kesan asas pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada tahun lepas. Output pembuatan meningkat sedikit iaitu 4.2% (Januari – Jun 2010: 41.5%) disumbang terutamanya oleh peningkatan dalam industri bioperubatan dan elektronik. Pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan (5.7%) dipacu terutamanya oleh aktiviti perkhidmatan kewangan yang berkembang 10.7% berikutan peningkatan jumlah pinjaman kepada pengguna dan perniagaan. Inflasi meningkat 5.7% (Ogos 2010: 3.3%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos pengangkutan, perumahan dan makanan. Singapura mengalami aliran keluar modal yang besar iaitu SGD9.7 bilion (April – Jun 2010: SGD4.4 bilion) pada suku kedua 2011 berikutan kadar faedah yang lebih menarik di luar negara. Pada tahun 2011, ekonomi Singapura dijangka berkembang antara 5% dan 6% (2010: 14.5%).

KDNK **Thailand** berkembang pada kadar yang lebih perlahan 2.9% (Januari – Jun 2010: 10.6%) disebabkan sebahagian besarnya oleh perbelanjaan penggunaan swasta dan pelaburan awam yang lebih rendah. Penggunaan swasta berkembang 3% (Januari – Jun 2010: 5.2%) disebabkan terutamanya oleh jualan kenderaan bermotor yang perlahan akibat gangguan bekalan komponen elektronik automotif. Pelaburan awam menyusut 5.9% (Januari – Jun 2010: 0.3%) kesan daripada pembayaran yang lebih rendah bagi projek di bawah pakej rangsangan. Inflasi lebih tinggi sebanyak 4.3% (Ogos 2010: 3.3%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bahan api dan makanan. Bank of Thailand menaikkan kadar polisi enam kali berturut kepada 3.50% sejak Januari 2011 bagi mengekang tekanan inflasi. Pada tahun ini, pertumbuhan ekonomi dijangka 4% (2010: 7.8%).

KDNK **Vietnam** berkembang 5.6% (Januari – Jun 2010: 6.2%) disumbang terutamanya oleh prestasi mantap dalam sektor pembuatan (7.6%), pertanian (3.3%) dan perkhidmatan (6.1%), terutamanya subsektor perdagangan

runcit (22.6%). Inflasi melonjak kepada 23% (Ogos 2010: 8.2%) berikutan kos makanan, pengangkutan dan bahan pembinaan yang semakin meningkat. Pada bulan Julai, State Bank of Vietnam mengurangkan kadar polisi kepada 14.00%, pengurangan pertama sejak Oktober 2010 bagi menyokong pertumbuhan. Pada tahun 2011, pertumbuhan KDNK dijangka 6% (2010: 6.8%).

Pertumbuhan ekonomi di negara ASEAN yang lain dijangka kukuh seperti Kemboja (6.8%), Lao PDR (8.1%) dan Myanmar (5.3%) (2010: 6.3%; 7.5%; 5.3%). Sementara itu, Brunei Darussalam dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu 1.7% (2010: 2%).

Pada tahun 2011, pertumbuhan di rantau **MENA** diunjur kekal stabil 4% (2010: 4.4%) walaupun pada kadar yang berbeza mengikut negara. **Negara pengeksport minyak**, termasuk Qatar, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu dan Algeria, dijangka berkembang pada kadar 4.9% (2010: 4.4%). Anggota Gulf Cooperation Council khususnya, telah mendapat manfaat terbesar daripada kenaikan harga serta pengeluaran minyak yang lebih tinggi. Qatar dan Arab Saudi dijangka terus menerajui pertumbuhan KDNK. Pertumbuhan di Qatar pada kadar 18.7% (2010: 16.6%) akan disumbang oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi, pelaburan dalam kapasiti eksport gas dan infrastruktur fizikal untuk pendidikan, kesihatan dan pengangkutan. Sementara itu, Arab Saudi yang berkembang 6.5% (2010: 4.1%) akan mendapat manfaat daripada pelaburan infrastruktur kerajaan. Pertumbuhan di **negara pengimport minyak**, termasuk Mesir, Tunisia, Lubnan dan Jordan dijangka perlahan pada 1.4% (2010: 4.5%). Pertumbuhan di Mesir dianggar lebih perlahan pada 1.2% (2010: 5.1%) manakala bagi Tunisia tidak berubah, 0% (2010: 3.1%) berikutan pergolakan politik pada awal tahun yang memberi kesan kepada sektor pelancongan serta keyakinan pelabur. Walau bagaimanapun, prospek di rantau ini akan dirangsang oleh Perkongsian Deauville antara negara MENA, Group of Eight serta institusi kewangan antarabangsa dan serantau. Perkongsian ini yang dilancarkan

pada Mei 2011 bertujuan untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kestabilan di rantau berkenaan, terutamanya di Mesir, Tunisia dan Libya.

Pada tahun 2011, pertumbuhan di **Sub-Sahara Afrika** dijangka kekal stabil sebanyak 5.2% (2010: 5.4%) disumbang oleh permintaan domestik yang kukuh, pengeluaran minyak yang lebih tinggi, peningkatan hasil pertanian dan pelaburan dalam infrastruktur. Ghana dijangka mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 13.5% (2010: 7.7%) disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak dari Jubilee Field yang mula beroperasi sejak Disember 2010. KDNK Angola diunjur meningkat 3.7% (2010: 3.4%) disokong oleh harga minyak yang lebih tinggi dan pelaksanaan semula Public Investment Programme oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, Afrika Selatan, yang merupakan ekonomi terbesar di rantau ini diunjur terus mencatat pertumbuhan sederhana 3.4% (2010: 2.8%), kesan daripada permintaan domestik yang lemah berikutan pelaburan yang terus terjejas akibat lebihan kapasiti.

Pada tahun 2011, ekonomi di **Komanwel Negara Merdeka** (CIS) dijangka kekal stabil sebanyak 4.6% (2010: 4.6%), walaupun terdapat perbezaan pertumbuhan antara negara di rantau ini. Pertumbuhan disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi. Ekonomi Rusia diunjur berkembang 4.3% (2010: 4%), disumbang sebahagiannya oleh harga minyak yang semakin meningkat. Hasil minyak yang lebih tinggi dijangka mengurangkan defisit belanjawan kepada 1.3% daripada KDNK berbanding anggaran awal 3.6% (2010: 5.3%). Walau bagaimanapun, inflasi yang lebih tinggi dijangka mengekang penggunaan swasta. Inflasi adalah 9.4% pada Jun 2011 (Jun 2010: 5.8%) disebabkan peningkatan harga makanan. Jangkaan keanggotaan Rusia dalam World Trade Organisation akan menarik lebih banyak peluang pelaburan dan eksport. Sementara itu, pertumbuhan di Turkmenistan dianggar kekal tinggi pada 9.9% dan Uzbekistan sebanyak 7.1% (2010: 9.2%; 8.5%), disumbang sebahagian besarnya

oleh harga gas yang lebih tinggi, kekukuhan permintaan domestik, pelaburan awam dan eksport komoditi. Walau bagaimanapun, harga makanan yang lebih tinggi dijangka meningkatkan IHP kepada 6.1% di Turkmenistan dan 13.1% di Uzbekistan (2010: 4.4%; 9.4%). Perluasan subsidi dan kawalan harga digunakan untuk membendung inflasi di Turkmenistan, manakala di Uzbekistan, kerajaan mengenakan kawalan harga ke atas barangan makanan asas dan tenaga.

Pada tahun 2011, rantau **Amerika Latin dan Caribbean** (LAC) diunjur mencatat pertumbuhan KDNK dengan kadar purata 4.5% (2010: 6.1%). Negara di Amerika Selatan dijangka terus menerajui pertumbuhan disokong oleh harga komoditi dan kemasukan modal yang tinggi, yang akan meningkatkan lagi permintaan domestik. Argentina, Chile, Paraguay dan Peru dijangka mencatat pertumbuhan kukuh melebihi 6% pada tahun 2011. Inflasi terus kekal rendah di Chile dan Peru disebabkan dasar monetari yang lebih ketat dan kenaikan nilai mata wang. Walau bagaimanapun, dalam tempoh separuh pertama 2011, purata IHP Argentina adalah 9.9% disebabkan oleh peningkatan permintaan dan kekangan bekalan terutamanya makanan. Brazil dianggar mencatat pertumbuhan sederhana 3.8% (2010: 7.5%) disebabkan sebahagiannya oleh dasar monetari yang lebih ketat untuk mengurangkan kenaikan inflasi. Banco Central do Brasil telah menaikkan kadar cukai ke atas jualan bon dan pinjaman luar sebanyak 6% pada bulan Mac, dan mengekalkan kadar polisi sekitar 12% sejak bulan Januari serta menetapkan syarat rizab berkanun ke atas pegangan mata wang dolar AS bagi jangka masa pendek. Di Mexico, pertumbuhan dijangka sederhana 3.8% (2010: 5.4%) disebabkan permintaan luar yang masih terhad terutamanya daripada AS. Sementara itu, ekonomi Amerika Tengah dijangka mencatat pertumbuhan sederhana 3.9% dan Caribbean 3.3% (2010: 3.7%; 3.3%), berikutan pemulihan perlahan bagi kiriman wang dan pelancongan serta terma perdagangan yang kurang menggalakkan.

Aliran Pelaburan

Pemulihan sederhana

Pada tahun 2010, pelaburan langsung asing (FDI) global meningkat dengan kadar yang sederhana selepas kemerosotan ketara pada tahun 2009 dan 2008. Walaupun pengeluaran dan perdagangan dunia kembali cergas kepada paras pra-krisis, aliran FDI masih 15% di bawah paras purata pra-krisis dan 37% lebih rendah berbanding pencapaian tertinggi pada tahun 2007. Laporan Pelaburan Dunia 2011 oleh United Nations Conference on Trade and Development menunjukkan aliran masuk FDI meningkat 4.9% kepada USD1,243.7 bilion (2009: -32.1%; USD1,185 bilion). Sebahagian besar aliran masuk disumbangkan oleh pulangan pelaburan semula yang lebih tinggi susulan daripada keadaan ekonomi global yang semakin pulih dan peningkatan keuntungan oleh syarikat gabungan asing pada tahun 2010. Nilai penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan meningkat 35.7% pada tahun 2010, manakala bagi pelaburan baharu walaupun menurun 15.3%, jumlahnya masih merupakan bahagian terbesar, iaitu 64.9% daripada jumlah keseluruhan FDI.

Pertumbuhan positif FDI global telah disertai oleh perubahan ketara dalam corak alirannya. Buat pertama kalinya, negara membangun dan peralihan menyumbang lebih separuh daripada aliran masuk FDI global. Aliran FDI ke negara membangun meningkat 12.3% kepada USD573.6 bilion (2009: -22.4%; USD510.6 bilion). Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ketara tersebut, termasuk pemulihan ekonomi yang lebih pantas, permintaan domestik yang kukuh dan kerancangan peningkatan aliran ke Selatan-Selatan. Jumlah nilai M&A, mod kemasukan FDI yang semakin penting ke negara membangun telah meningkat dengan ketara disebabkan oleh nilai aset syarikat yang tinggi, pendapatan yang kukuh dan pengembangan pasaran. Aliran masuk FDI ke negara membangun adalah berbeza antara rantau. Asia Timur, Asia Tenggara dan Amerika Latin mengalami pertumbuhan yang

kukuh didorong oleh prestasi ekonomi yang memberangsangkan, asas makroekonomi yang baik dan harga komoditi yang lebih tinggi. Sementara itu, FDI ke Afrika dan Asia Selatan terus merosot. FDI ke Asia meningkat 16.4% kepada USD357.8 bilion dan menyumbang 28.8% daripada jumlah aliran masuk keseluruhan FDI. China menerima bahagian terbesar FDI sebanyak USD105.7 bilion. Walau bagaimanapun, peningkatan upah dan kos pengeluaran telah mengurangkan FDI dalam industri pembuatan kos rendah berikutan peralihan kepada sektor teknologi tinggi, perkhidmatan dan harta tanah. FDI ke India merosot dengan ketara sebanyak 30.9% kepada USD24.6 bilion disebabkan sebahagiannya oleh kebimbangan mengenai defisit akaun semasa, inflasi dan kelewatan untuk mendapat kelulusan projek-projek besar. FDI ke ASEAN melonjak kepada USD79.1 bilion disebabkan peningkatan mendadak FDI ke Malaysia, Indonesia dan Singapura. Prestasi yang menggalakkan tersebut disumbang oleh pelaksanaan dasar pelaburan yang kondusif termasuk liberalisasi industri dan sokongan sektor awam. Indonesia dan Vietnam mengukuhkan kedudukan sebagai destinasi untuk pembuatan kos rendah, manakala Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam mendapat faedah daripada FDI serantau, terutamanya dari China.

Aliran masuk FDI ke negara maju terus merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.2% kepada USD601.9 bilion (2009: -37.5%; USD602.8 bilion). Kemerosotan ini disebabkan keyakinan perniagaan dan pengguna yang terus lemah, kebimbangan terhadap krisis hutang berdaulat merebak ke seluruh kawasan euro dan kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah daripada jangkaan di beberapa negara. Walau bagaimanapun, dalam kalangan negara maju, AS mencatat peningkatan terbesar 49.3% kepada USD228.2 bilion (2009: -50.1%; USD152.9 bilion). Peningkatan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh pemulihan ketara pulangan pelaburan semula oleh syarikat gabungan asing. Eropah mengalami penurunan terbesar dalam kalangan rantau, iaitu sebanyak 19.3% kepada USD313.1

JADUAL 2.3

Aliran Masuk FDI bagi Rantau dan Ekonomi Utama Terpilih 2009 – 2010

	USD bilion		Perubahan (%)
	2009	2010	
Dunia	1,185.0	1,243.7	4.9
5 penerima utama			
Amerika Syarikat	152.9	228.2	49.3
China	95.0	105.7	11.3
Hong Kong, China	52.4	68.9	31.5
Belgium	23.6	61.7	161.6
Brazil	25.9	48.4	86.7
Negara maju	602.8	601.9	-0.2
Eropah	387.8	313.1	-19.3
Kesatuan Eropah	346.5	304.7	-12.1
Jepun	11.9	-1.3	-110.5
Negara membangun	510.6	573.6	12.3
Asia dan Oceania	309.4	359.4	16.1
India	35.6	24.6	-30.9
ASEAN	37.9	79.1	108.6
Singapura	15.3	38.6	152.9
Thailand	5.0	5.8	16.8
Malaysia	1.4	9.1	536.6
Vietnam	7.6	8.2	7.5
Indonesia	4.9	13.3	172.8
Ekonomi peralihan	71.6	68.2	-4.8
Eropah Tenggara	7.8	4.1	-47.3
Komanwel Negara Merdeka	63.8	64.1	0.4

Sumber: United Nations Conference on Trade and Development.

bilion (2009: -24.7%; USD387.8 bilion) disebabkan terutamanya oleh ketidaktentuan krisis hutang berdaulat yang berlarutan. Sementara itu, aliran masuk FDI ke Jepun terus menguncup 110.5% kepada -USD1.3 bilion (2009: -51.1%; USD11.9 bilion) disebabkan terutamanya oleh kegiatan penyahlaburan yang ketara.

Pada tahun 2010, aliran keluar FDI global meningkat 13.1% kepada USD1,323.3 bilion (2009: -38.7%; USD1,170.5 bilion). Aliran keluar dari negara maju meningkat 9.9% dan terus membentuk sebahagian besar aliran keluar FDI (70.7%). AS mencatat 16.3% aliran keluar FDI dan Eropah sebanyak 9.6%, manakala FDI Jepun menguncup 24.7%. Lebih 50% FDI dari

negara maju telah dilaburkan dalam pasaran negara membangun berkembang pesat. FDI dari negara peralihan dan membangun meningkat dengan mendadak 24.1% kepada USD60.6 bilion (2009: -19.2%; USD48.8 bilion), mencerminkan kekuatan ekonomi, kekukuhan syarikat, kesediaan serta keyakinan yang semakin meningkat untuk bersaing di pasaran baharu. Sumber terbesar pengaliran keluar FDI ialah dari China, mengatasi Jepun.

Pada tahun 2011, aliran masuk FDI dijangka mencecah antara USD1.4 trilion dan USD1.6 trilion memandangkan syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan tunai tinggi merebut peluang pelaburan baharu. Negara ekonomi berkembang pesat, terutamanya Brazil, China, India dan Rusia dijangka terus menjadi sumber penting FDI. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi global yang semakin tidak menentu boleh menjejaskan prospek positif pelaburan antarabangsa.

Aliran Perdagangan

Penurunan tidak ketara

Jumlah perdagangan global dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan 7.5% pada tahun 2011, setelah melonjak 12.8% pada tahun 2010. Prestasi yang lebih sederhana ini sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan terutamanya di negara maju seperti AS, Jepun dan kawasan euro yang menyumbang bahagian lebih besar dalam perdagangan global. Kadar pengangguran yang kekal tinggi di negara maju telah menghadkan pertumbuhan pendapatan, penggunaan dan permintaan import. Gangguan rantai bekalan di Jepun akibat gempa bumi, tsunami dan bencana nuklear juga menjejaskan perdagangan. Konsolidasi fiskal dan langkah penjimatan oleh negara kurang maju (*peripheral countries*) di kawasan euro, kenaikan harga makanan dan bahan api serta pergolakan politik di Timur Tengah akan terus memberi kesan terhadap perdagangan.

JADUAL 2.4

**Eksport dan Import Negara Terpilih
Januari – Ogos**

	Eksport			Import			Jumlah Perdagangan		
	USD bilion	Perubahan (%)		USD bilion	Perubahan (%)		USD bilion	Perubahan (%)	
	2010	2011		2010	2011		2010	2011	
Amerika Syarikat ¹	1,042.3	1,209.3	16.0	1,334.0	1,539.1	15.4	2,376.3	2,748.4	15.7
Kawasan euro ²	2,259.8	2,738.3	21.2	2,224.9	2,708.1	21.7	4,484.6	5,446.4	21.5
Jepun	489.4	531.7	8.7	443.4	551.6	24.4	932.8	1,083.3	16.1
China	989.7	1,222.6	23.6	885.8	1,129.9	27.5	1,875.6	2,352.5	25.4
Singapura	225.8	272.6	20.7	202.4	244.6	20.8	428.2	517.2	20.8

¹ Termasuk barangan dan perkhidmatan sehingga akhir Julai.² Januari – Julai.

Sumber: World Trade Organisation dan pihak berkuasa negara.

Ketidakseimbangan perdagangan dijangka terus melebar antara negara pengeksport komoditi yang diterajui oleh negara membangun dan berkembang pesat dan negara pengimport komoditi, khususnya negara maju. Negara membangun dan berkembang pesat diunjur terus menerajui eksport pada kadar 9.4% (2010: 13.6%), manakala negara maju berkembang pada kadar yang lebih perlahan 6.2% (2010: 12.3%). Import oleh negara membangun dan berkembang pesat dijangka meningkat 11.1% serta negara maju pula sebanyak 5.9% (2010: 14.9%; 11.7%).

Jumlah perdagangan **AS** berkembang 15.7% kepada USD2,748.4 bilion (Januari – Julai 2010: 20%; USD2,376.3 bilion) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011. Eksport meningkat 16% kepada USD1,209.3 bilion (Januari – Julai 2010: 17.6%; USD1,042.3 bilion), manakala import bertambah 15.4% kepada USD1,539.1 bilion (Januari – Julai 2010: 22%; USD1,334 bilion). Eksport utama terdiri daripada kenderaan bermotor dan alat ganti, jentera pembinaan, produk petroleum dan kimia serta hasil pertanian. Sementara itu, import telah disumbangkan terutamanya oleh permintaan yang tinggi ke atas minyak mentah dan bahan api, pakaian dan barangan isi rumah, semikonduktor serta penyediaan farmaseutikal. Jumlah defisit perdagangan kekal tinggi pada

USD329.8 bilion (Januari – Julai 2010: USD291.7 bilion). Destinasi utama eksport AS ialah Kanada, dengan sumbangan sebanyak 19.2% daripada jumlah eksport diikuti oleh Mexico (13.2%), China (6.9%), Jepun (4.5%), United Kingdom (UK) (3.8%) dan Jerman (3.3%). Pada tahun 2011, eksport dijangka meningkat 7.1%, manakala import 4.6%.

Jumlah perdagangan **kawasan euro** meningkat 21.5% kepada USD5,446.4 bilion (Januari – Julai 2010: 13.9%; USD4,484.6 bilion). Rakan dagangan utama kawasan ini ialah UK, diikuti dengan AS, China dan Rusia. Eksport terus meningkat 21.2% (Januari – Julai 2010: 13.9%), dengan eksport terbesar terdiri daripada jentera dan kenderaan, barangan pembuatan, bahan kimia juga makanan dan minuman. Sementara itu, import termasuk jentera dan kenderaan, barangan pembuatan, tenaga dan bahan kimia meningkat 21.7% (Januari – Julai 2010: 14%). Pada tahun ini, eksport dijangka mencatat 6.9%, manakala import 5.3%.

Jumlah perdagangan **Jepun** terus mencatat peningkatan 16.1% kepada USD1,083.3 bilion (Januari – Ogos 2010: 33.8%; USD932.8 bilion), walaupun eksport menguncup 1.9% pada bulan April (April 2010: 48.9%) berikutan bencana gempa bumi. China terus menjadi rakan dagangan utama

dengan bahagian 20.6% diikuti oleh ASEAN (14.8%), AS (11.7%) dan EU (10.5%). Eksport Jepun meningkat 8.7% kepada USD531.7 bilion (Januari – Ogos 2010: 39.6%; USD489.4 bilion) berikutan permintaan mampan ke atas jentera, komponen elektrik dan elektronik serta kenderaan bermotor dan alat ganti. Sementara itu, import meningkat dengan ketara sebanyak 24.4% kepada USD551.6 bilion (Januari – Ogos 2010: 27.9%; USD443.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi bagi gas petroleum cecair dan produk petroleum, berikutan pembinaan semula kawasan bencana dan bagi menampung kekurangan tenaga elektrik susulan penutupan beberapa loji nuklear. Pada tahun 2011, eksport barangan dan perkhidmatan Jepun dijangka meningkat 0.9%, manakala import 7.7% .

Jumlah perdagangan **China** meningkat 25.4% kepada USD2,352.5 bilion (Januari – Ogos 2010: 40%; USD1,875.6 bilion). Rakan dagangan utama China ialah EU (15.8%), AS (12.1%), ASEAN (10%) dan Jepun (9.4%). Dalam kalangan negara EU, Jerman merupakan rakan dagangan utama dengan USD111.7 bilion, manakala dalam ASEAN, Malaysia merupakan penyumbang terbesar sebanyak USD58.4 bilion. Perdagangan antara China dan EU meningkat 21.8% kepada USD372.1 bilion, manakala perdagangan dengan AS meningkat 17.8% kepada USD285.7 bilion. China terus mencatatkan defisit perdagangan dengan Jepun, walaupun dengan kadar yang lebih perlahan 18.8% untuk mencapai USD221.9 bilion. Sementara itu, perdagangan dengan ASEAN berkembang 26.6% kepada USD234.6 bilion. Eksport utama termasuk mesin pemprosesan data automatik, pakaian, tekstil serta telefon bimbit. Import merangkumi petroleum mentah, bijih besi, plastik dan kenderaan bermotor. Pada tahun 2011, eksport barangan dan perkhidmatan China dijangka meningkat 30.2%, manakala import sebanyak 25.5%.

Jumlah perdagangan **Singapura** berkembang 20.8% kepada USD517.2 bilion (Januari – Ogos 2010: USD428.2 bilion). Eksport meningkat 20.7% (Januari – Ogos 2010: 34.7%), manakala import meningkat 20.8% (Januari – Ogos 2010: 32.5%). Rakan dagangan utama Singapura

adalah Malaysia, EU, China, AS dan Indonesia. Eksport utama termasuk injap elektronik, produk petroleum ditapis serta peralatan pejabat dan mesin pemprosesan data. Import termasuk petroleum mentah, jentera dan peralatan pengangkutan serta bahan dan produk kimia. Pada tahun 2011, jumlah perdagangan dijangka meningkat 10%, dengan eksport dan import diunjur berkembang pada 10.8% dan 9.1%.

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Kerjasama ditingkatkan dalam era mencabar

Kegawatan pasaran kewangan baru-baru ini menunjukkan kepentingan tindak balas dasar dan kerjasama antara rantau yang terselaras bagi memastikan kestabilan pasaran kewangan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan. Dalam konteks ini, kerjasama ekonomi pada peringkat pelbagai hala dan serantau adalah juga kritikal dalam mengukuhkan pelaksanaan inisiatif seperti pemantauan makroekonomi secara berterusan, tindak balas dasar yang terselaras serta konsultasi serantau dan intraserantau dengan lebih kerap bagi menangani cabaran ekonomi global.

Pada peringkat global, institusi dan forum antarabangsa seperti Group of Twenty (G20) telah mempergiat usaha bagi menangani isu ekonomi dan kewangan dunia. International Monetary Fund (IMF) telah melaksanakan pelbagai langkah bagi mencegah krisis untuk meningkatkan kestabilan ekonomi dan kewangan global dengan mengukuhkan kapasiti pemantauan dan keupayaan bagi mengenal pasti tanda-tanda yang boleh menjejaskan ekonomi. Ke arah itu, Financial Sector Assessment Programme telah diwajibkan kepada 25 negara yang mempunyai sektor kewangan yang menyumbang risiko sistemik tertinggi kepada kestabilan kewangan global. Pemantauan dua hala dan pelbagai hala di bawah Triennial Surveillance Review 2011 sedang dilaksanakan bagi menilai keberkesanan IMF dalam mengenal pasti dan menyalurkan

maklumat mengenai risiko kepada sektor kewangan. IMF juga menyokong usaha G20 dalam Mutual Assessment Process yang kini tertumpu kepada keseimbangan dalaman dan luaran yang kritikal bagi pertumbuhan dan kestabilan global. Berikutan ketidaktentuan dan pergolakan politik di MENA, analisis dan nasihat dasar IMF akan turut mengambil kira faktor sosial yang memberi kesan kepada kestabilan makroekonomi.

Dari segi bantuan kewangan, pihak IMF telah meluluskan Hak Pengeluaran Khas (SDR) bernilai SDR98 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2011 bagi menyokong program pelarasan dan pertumbuhan ekonomi. Bagi mengukuhkan lagi keupayaan bantuan teknikal, IMF juga telah memperkenalkan dua dana amanah topikal baharu bagi pembangunan kapasiti dalam dasar percukaian dan pengurusan sumber kekayaan serta penubuhan sebuah institut latihan serantau baharu di Kuwait.

Pada Disember 2010, Lembaga Gabenor IMF telah meluluskan 14th General Review of Quotas bertujuan untuk meningkatkan jumlah kuota sebanyak dua kali ganda kepada SDR476.8 bilion, dengan pelarasan semula yang signifikan, iaitu pegangan 6% daripada negara yang mempunyai kuota yang lebih besar kepada negara membangun dan berkembang pesat. Selain itu, kajian semula ini juga akan membolehkan lebih banyak wakil Lembaga Eksekutif IMF, iaitu kumpulan mengundi yang mempunyai lebih daripada tujuh ahli boleh mempunyai dua pengarah eksekutif silih ganti. Pembaharuan ini yang dijangka dilaksanakan pada akhir tahun 2012, akan meningkatkan kredibiliti dan keberkesanan IMF.

World Bank Group terus menyokong negara anggota dengan menyediakan pinjaman dan geran untuk projek pembangunan dan jaringan keselamatan sosial. Dalam tempoh pasca krisis, tumpuan program dan projek World Bank Group disasarkan kepada golongan miskin dan mudah terjejas, terutama di Sub-Sahara Afrika; pewujudan peluang untuk pertumbuhan ekonomi; penggalakan tindakan kolektif global, pengukuhan

tadbir urus; pengurusan risiko serta persediaan bagi menghadapi krisis. Pada tahun fiskal 2011 (Julai 2010 – Jun 2011), sokongan kewangan berjumlah USD57.4 bilion telah diagihkan kepada negara-negara membangun. Daripada jumlah itu, USD4.1 bilion adalah untuk pelbagai program keselamatan sosial, manakala USD20 bilion adalah untuk membiayai pembangunan infrastruktur. Buat pertama kalinya, sebanyak USD1.4 bilion telah diperuntukan kepada 34 projek bagi pengurusan bencana alam.

Memandangkan lonjakan harga makanan kian menghampiri paras tertinggi pada tahun 2008, World Bank Group telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan jaminan bekalan makanan. Langkah yang telah diambil termasuk membantu negara anggota untuk menguruskan risiko pertanian dengan lebih baik; menggandakan pembiayaan pertanian kepada USD8 bilion; menggiatkan lagi Global Food Crisis Response Program; serta menyediakan sokongan untuk Global Agriculture and Food Security Program (GAFSP) yang diperkenal oleh G20. GAFSP menawarkan bantuan kepada negara pertanian dan pelaksanaan rancangan meningkatkan jaminan bekalan makanan serta membantu menggalakkan pelaburan dalam ladang dimiliki oleh pekebun kecil.

Sementara itu, Asian Development Bank (ADB) beriltizam untuk mengurangkan kemiskinan di Asia dan Pasifik melalui pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan kelestarian alam sekitar serta integrasi serantau. Pada tahun 2010, ADB telah menyediakan bantuan kewangan sebanyak USD17.5 bilion, terutamanya untuk pinjaman dan pembiayaan bersama bagi projek di Bangladesh, India dan China. Di samping itu, Islamic Development Bank Group (IDB Group), sebuah insituti kewangan pembangunan pelbagai hala Selatan-Selatan yang ditubuhkan pada tahun 1975 terus menyediakan pinjaman dan geran bagi membiayai aktiviti pembangunan di negara anggota serta kepada komuniti Muslim berlandaskan prinsip-prinsip syariah. Pada tahun 2010, jumlah nilai bersih pembiayaan yang

diluluskan oleh IDB Group berjumlah USD7 bilion bagi 363 operasi di negara anggota dan bukan anggota. Sementara itu, Malaysia bersama IDB Group juga berperanan mempelopori dan menyokong penubuhan pelbagai institusi perkhidmatan kewangan Islam. Dalam hal ini, dua institusi ditubuhkan di Malaysia iaitu Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa.

Pada peringkat serantau, Pelan Hala Tuju Integrasi Monetari dan Kewangan ASEAN terus menunjukkan kemajuan, antara lain dalam bidang liberalisasi perkhidmatan kewangan dan pembangunan pasaran modal. Di bawah inisiatif liberalisasi perkhidmatan kewangan, Malaysia merupakan pengerusi jawatankuasa Kumpulan Kerja Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan bagi tahun 2011 hingga 2014 dan memacu inisiatif tersebut dalam meliberalisasikan lagi sektor pasaran modal, perbankan dan insurans. Di bawah inisiatif ini, Protokol bagi melaksanakan Komitmen Pakej Kelima telah ditandatangani pada 4 Mei 2011. Pakej ini akan membenarkan institusi kewangan di negara ASEAN mempunyai akses yang lebih kepada insurans dan pasaran modal serantau.

Dalam pembangunan pasaran modal, beberapa langkah dilaksanakan bagi menyokong pasaran modal bersepadu dalam mempromosikan peluang pelaburan yang lebih baik dan meningkatkan daya saing ASEAN di arena global. Pelancaran ASEAN Brand Identity dan inisiatif pemasaran semasa Mesyuarat Ke-15 Menteri-Menteri Kewangan ASEAN di Bali, Indonesia pada 8 April 2011 telah mewujudkan satu rangka kerja bagi usaha terselaras dalam membina dan mempromosi ASEAN sebagai satu kelas aset. Selain itu, dalam mempromosikan ASEAN sebagai destinasi pelaburan yang menarik, Malaysia telah menganjurkan ASEAN Finance Ministers' Investors Seminar (AFMIS) Ketujuh di Kuala Lumpur pada 30 November 2010. AFMIS Ketujuh dihadiri lebih 400 delegasi daripada 16 negara, merangkumi pengurus dana global terkemuka, bank pelaburan, broker sekuriti, bursa saham, *sovereign wealth funds*, syarikat senaraian awam

dan institusi kewangan antarabangsa. Menteri Kewangan Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Filipina, Thailand, Singapura, Timbalan Menteri Kewangan Brunei Darussalam, Setiausaha Negara Kemboja dan Setiausaha Agung ASEAN telah menyertai Sesi Panel Menteri. AFMIS Ketujuh ini telah menyediakan platform bagi Menteri Kewangan dan delegasi berinteraksi dengan pelabur dan pengantara mengenai integrasi serantau dan peluang pelaburan di negara ASEAN. Berdasarkan kejayaan seminar sebelum ini, Indonesia akan menganjurkan AFMIS Kelapan di Jakarta pada November 2011.

Sebagai sebahagian daripada usaha bagi memanfaatkan simpanan ASEAN untuk membiayai projek-projek infrastruktur serantau dan memacu pertumbuhan ekonomi, Malaysia menerajui penubuhan ASEAN Infrastructure Fund (AIF) dengan memeterai Perjanjian Pemegang Saham pada 24 September 2011. AIF akan ditubuhkan sebagai syarikat berhad di Malaysia. Usaha ini merupakan inisiatif utama ASEAN ke arah mencapai wawasan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) melalui Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN. Buat pertama kalinya, ASEAN berupaya untuk membiayai sendiri projek infrastruktur yang diberi keutamaan.

Kemajuan ke arah integrasi ekonomi serantau yang lebih kukuh berada pada landasan yang betul. Menjelang 2015, ASEAN akan menjadi rantau yang kompetitif dengan pergerakan bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan, tenaga kerja mahir dan aliran modal yang lebih bebas bagi merealisasikan AEC. Bagi Malaysia, merealisasikan AEC mengikut jadual yang dirancang adalah amat penting, memandangkan Malaysia dijangka menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015.

Sementara itu, pelbagai inisiatif yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan ASEAN+3 (China, Jepun dan ROK) pada tahun 2010 telah dilaksanakan. Inisiatif ini termasuk penubuhan ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO) dan Credit Guarantee and Investment Facility. AMRO, yang berpusat di Singapura, kini beroperasi dengan pelantikan Pengarah yang pertama dari China.

Sementara itu, ASEAN+3 sedang menjalankan kajian bagi menentukan keutamaan masa hadapan seperti fungsi pencegahan krisis, insurans risiko bencana, penyelesaian perdagangan serantau melalui mata wang tempatan dan pembiayaan infrastruktur. Pada masa ini, China, Indonesia dan Malaysia dengan ADB sedang menjalankan kajian mekanisme pembiayaan infrastruktur sedia ada di negara anggota.

Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) terus menyediakan platform untuk mengetengahkan isu berkepentingan bersama, serta inisiatif pembangunan binaupaya dalam kalangan ekonomi anggota. APEC terus menerokai pembiayaan bagi pertumbuhan, khususnya berkaitan pertumbuhan hijau, perusahaan kecil dan sederhana, serta pembangunan infrastruktur sebagai elemen penting dalam pelaksanaan strategi pertumbuhan APEC seperti yang dipersetujui dalam Kyoto Growth Report. Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan APEC Ke-18 yang dijadualkan pada 10 November 2011 di Honolulu akan membincangkan prospek ekonomi semasa dan cabaran dasar bagi rantau APEC dengan memberi tumpuan kepada defisit fiskal dan pengurusan hutang Amerika Syarikat. Topik lain yang akan dibincangkan, termasuk rangkuman kewangan dan pelaburan infrastruktur, sementara pelbagai aspek pertumbuhan hijau juga akan dipertimbangkan.

Prospek 2012

Ketidaktentuan yang berterusan

Pada tahun 2012, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka kekal sederhana memandangkan pelaburan dan aktiviti perdagangan global terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Pertumbuhan ini akan didorong terutamanya oleh pertumbuhan mantap ekonomi membangun yang berkembang pesat dan negara membangun, dasar monetari akomodatif yang berterusan di negara maju dan aktiviti pembangunan semula di Jepun yang sedang dilaksanakan. Selain itu, usaha bersepadu bagi menangani defisit fiskal dan masalah hutang dijangka memberi impak positif ke atas keyakinan pelabur dan pasaran kewangan. Pertumbuhan di negara maju dijangka berkembang 1.9% manakala ekonomi membangun yang berkembang pesat dan negara membangun meningkat dengan kukuh sebanyak 6.1%. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko yang membawa kepada pertumbuhan yang lebih perlahan, terutamanya kadar pengangguran yang tinggi, krisis hutang berdaulat yang berpanjangan, kedudukan fiskal dan kewangan negara maju yang lemah, ketidaktentuan geopolitik dan aliran modal yang menggugat kestabilan ekonomi. Mengambil kira keadaan yang amat mudah terjejas ini, pertumbuhan global dijangka terus berkembang dengan mampan 4% pada tahun 2012 (2011: 4%).

Kemajuan ke Arah Komuniti Ekonomi ASEAN

Pengenalan

Krisis kewangan Asia 1997/1998 telah menunjukkan betapa perlunya negara ASEAN¹ menjalin hubungan kerjasama yang lebih erat bagi meraih sepenuhnya potensi daripada integrasi ekonomi serantau. Kebangkitan ekonomi negara China dan India turut mengukuhkan lagi tekad bagi memartabatkan ASEAN menjadi lebih kukuh, sepakat dan bersepadu. Selaras dengan ini, Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1997 telah melancarkan Wawasan ASEAN 2020. Wawasan ini bertujuan mentransformasikan ASEAN menjadi sebuah rantau yang stabil, berdaya saing tinggi dan makmur dengan pembangunan ekonomi yang lebih saksama serta pengurangan jurang kemiskinan dan ketidakseimbangan sosioekonomi.

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN Kesembilan di Bali pada tahun 2003, Ketua-ketua negara ASEAN telah mengisytiharkan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) sebagai matlamat untuk mencapai integrasi ekonomi serantau bagi merealisasikan Wawasan ASEAN 2020. Melihat kepada pelbagai cabaran yang semakin getir, Ketua-ketua negara ASEAN telah memperkukuh komitmen mereka pada tahun 2007 dengan mempercepat penubuhan AEC dari tahun 2020 ke tahun 2015.

Objektif utama AEC adalah untuk mentransformasikan ASEAN menjadi pasaran dan pusat pengeluaran tunggal dengan pergerakan bebas bagi barangan, perkhidmatan, pelaburan dan tenaga mahir serta pengaliran modal yang lebih bebas. Oleh itu, dengan pelaksanaan AEC, ASEAN akan menjadi sebuah rantau yang berdaya saing dan dinamik serta mempunyai jaringan yang kukuh dengan seluruh dunia.

Rangka Tindakan AEC – Ciri dan Elemen Utama

Pelancaran Rangka Tindakan (*blueprint*) AEC pada tahun 2007 merupakan satu pencapaian penting (*milestone*) dalam penubuhan AEC. Rangka Tindakan ini menyediakan jangka masa yang jelas kepada Negara Anggota untuk berusaha dengan gigih bagi membentuk satu komuniti ekonomi ASEAN yang bersepadu.

Ciri-ciri utama Rangka Tindakan AEC adalah seperti berikut:

- (a) pasaran dan pusat pengeluaran tunggal;
- (b) rantau ekonomi yang berdaya saing tinggi;
- (c) rantau pembangunan ekonomi yang lebih saksama; dan
- (d) rantau yang berintegrasi sepenuhnya dalam ekonomi global.

Ciri-ciri utama ini saling berkait dan memperkukuh antara satu sama lain. Usaha yang diambil untuk menggembelng semua elemen yang diperlukan ke atas setiap ciri dalam satu rangka tindakan akan memastikan konsistensi dan kepaduan elemen-elemen tersebut. Di samping itu, usaha ini akan memudahkan pelaksanaan dan penyelarasan yang berkesan dalam kalangan pihak berkepentingan.

Rangka Tindakan ini merupakan satu dokumen pragmatik yang telah mengambil kira kepentingan kesemua Negara Anggota ASEAN. Rangka Tindakan ini dilaksanakan dan dipantau melalui empat fasa: 2008 – 2009, 2010 – 2011, 2012 – 2013 dan 2014 – 2015. ASEAN Integration Monitoring Office akan memantau pelaksanaan pelbagai langkah dalam Rangka Tindakan berkenaan.

¹ Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) terdiri daripada Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam.

JADUAL 1

Ciri dan Elemen AEC

Pasaran dan Pusat Pengeluaran Tunggal	Rantau Ekonomi yang Amat Kompetitif	Pembangunan Ekonomi Saksama	Integrasi ke Dalam Ekonomi Global
- Aliran bebas: - barangan; - perkhidmatan; - pelaburan; dan - tenaga mahir. - Aliran modal yang lebih bebas - Sektor keutamaan integrasi - Makanan, pertanian dan perhutanan	- Dasar persaingan - Perlindungan pengguna - Hak harta intelek - Pembangunan infrastruktur - Percukaian - e-dagang	- Pembangunan SME - Inisiatif untuk integrasi ASEAN	- Pendekatan koheren ke arah hubungan ekonomi luar - Peningkatan pelibatan dalam jaringan bekalan global

Sumber: Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN.

Faedah Utama AEC

Pembentukan AEC akan meningkatkan lagi prospek pertumbuhan ekonomi Negara Anggota ASEAN, terutamanya melalui:

- Saiz ekonomi dan jumlah penduduk** – Pada keseluruhannya, Keluaran Dalam Negeri Kasar ASEAN berjumlah USD1.85 trilion dan mempunyai kira-kira 600 juta jumlah penduduk. Secara kolektifnya, ia merupakan ketiga terbesar di Asia dari segi ekonomi dan penduduk, dengan 28% daripada jumlah keseluruhan penduduk berumur bawah 15 tahun. Rantau ini mempunyai kelas menengah yang besar dengan kuasa beli yang kukuh berikutan pembangunan ekonomi yang pesat serta penjana peluang pekerjaan berterusan. Perkembangan ini akan mewujudkan skala ekonomi untuk pengembangan perniagaan dan industri serta menjana permintaan yang lebih tinggi untuk barangan dan perkhidmatan. Selain daripada itu, kerjasama ekonomi sedemikian akan meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik, seterusnya menjadikan rantau ini antara destinasi pilihan utama pelaburan global.
- Peningkatan perdagangan dan pelaburan dalam rantau** – Dengan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), perdagangan dalam ASEAN meningkat pesat daripada USD89.7 bilion pada tahun 1993 kepada USD519.7 bilion pada tahun 2010. Sementara itu, pada tahun 2008, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) bersih dalam ASEAN telah melebihi USD10 bilion (16% daripada jumlah aliran masuk ASEAN), buat pertama kalinya sejak Krisis Kewangan Asia 1997/1998. Begitu juga dengan jumlah aliran masuk FDI bersih ke ASEAN, meningkat dengan ketara kepada USD79 bilion pada tahun 2010 berbanding USD38 bilion pada tahun 2009. Ini merupakan satu petanda baik bagi potensi pertumbuhan jangka panjang rantau ini.
- Permintaan ketara untuk pembangunan infrastruktur** – Bagi mencapai matlamat AEC, ASEAN memerlukan tahap pembangunan infrastruktur yang lebih pesat. Jumlah keseluruhan pelaburan infrastruktur yang diperlukan dalam dekad akan datang dianggarkan sebanyak USD60 bilion setahun. Dalam hal ini, terdapat potensi yang besar untuk memanfaatkan lebihan simpanan ASEAN bagi membiayai pembangunan infrastruktur serantau. Ini akan

merencanakan lagi pertumbuhan dan merapatkan jurang pembangunan dalam kalangan negara ASEAN, di samping menggalakkan aliran modal yang lebih bebas.

- **Kekayaan sumber semula jadi** – ASEAN kaya dengan sumber semula jadi termasuk bahan galian dan sumber tenaga. Keadaan ini menawarkan banyak peluang dan kelebihan yang kompetitif kepada pelabur di rantau ASEAN.

Pencapaian Penting Inisiatif Utama di Bawah Rangka Tindakan AEC

Selepas empat tahun pelancaran Rangka Tindakan pada tahun 2007, Negara Anggota ASEAN telah mencapai kemajuan yang menggalakkan selaras dengan hala tuju yang digariskan di bawah Rangka Tindakan tersebut. Dalam tempoh 1 Januari 2008 hingga 15 Julai 2011, bagi Fasa I (2008 – 2009), 83.8% daripada langkah yang dipersetujui oleh ASEAN pada keseluruhannya telah dilaksanakan, termasuk sistem operasi National Single Windows di negara ASEAN-6. Bagi Fasa II (2010 – 2011), 62.1% daripada langkah di seluruh negara ASEAN telah dilaksanakan, termasuk Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN. Dalam tempoh Januari 2008 hingga 15 Julai 2011, tahap kemajuan langkah tersebut yang dicapai ialah 72%. Sehingga 15 Julai 2011, Malaysia telah berjaya melaksanakan 83.8% daripada langkah yang digariskan di bawah kedua-dua fasa tersebut berikutan kepesatan pelaksanaan AEC.

JADUAL 2

Pendekatan Strategik dan Kemajuan Inisiatif Utama¹

Pendekatan Strategik	Kemajuan Inisiatif Utama
Pasaran dan Pusat Pengeluaran Tunggal	
A. Aliran Bebas Barangan	
• AFTA	99.7% barangan adalah bebas duti bagi negara ASEAN-6 ² manakala 98.9% barangan bagi negara CLMV ³ mempunyai tarif 0% hingga 5%.
• Integrasi kastam	Protokol Ketujuh berkaitan Rangka Kerja ASEAN mengenai Fasilitasi Barangan pada tahun 2011 akan dimuktamadkan pada tahun ini.
• ASEAN Single Window	Semua Negara Anggota ASEAN telah meluluskan Memorandum Persefahaman bagi melaksanakan Projek Perintis ASEAN Single Window.
• Fasilitasi perdagangan	Negara Anggota ASEAN telah meluluskan program kerja fasilitasi perdagangan yang komprehensif pada tahun 2010.
B. Aliran Bebas Perkhidmatan	
• Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS)	Protokol pelaksanaan Pakej Kelapan AFAS telah ditandatangani semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-17 pada 28 Oktober 2010.

¹ Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asec.org.

² ASEAN-6 terdiri daripada Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

³ Negara CLMV terdiri daripada Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam.

Perkhidmatan kewangan	Protokol pelaksanaan Pakej Kelima Komitmen Perkhidmatan Kewangan telah ditandatangani pada Mei 2011.
C. Aliran Bebas Pelaburan Menghapuskan sekatan dan mempertingkatkan perlindungan pelabur.	Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN telah ditandatangani pada Februari 2009, meliputi empat tunggak utama: - o perlindungan pelaburan; - o fasilitasi dan kerjasama; - o penggalakan dan meningkatkan kesedaran; dan - o liberalisasi rejim pelaburan.
D. Aliran Modal yang Lebih Bebas Pembangunan Pasaran Modal ASEAN – Membenarkan mobiliti modal yang lebih meluas	Pada April 2011, tujuh bursa saham ⁴ rantau ini telah melancarkan ASEAN Brand Identity, ASEAN Exchanges website dan ASEAN Stars di Bali.
E. Pergerakan Bebas Tenaga Mahir Movement of natural person	Di bawah AFAS, tujuh Perjanjian Pengiktirafan Bersama telah dimuktamadkan untuk pergerakan bebas terhad tenaga mahir asing ⁵ .
Ke Arah Rantau Ekonomi yang Berdaya Saing Tinggi	
A. Dasar Persaingan Undang-Undang Persaingan	Akta/Undang-Undang Persaingan telah diwujudkan di lima Negara Anggota ASEAN ⁶ .
B. Perlindungan Pengguna Akta Perlindungan Pengguna	Akta Perlindungan Pengguna telah diwujudkan di lima Negara Anggota ASEAN ⁷ .
C. Hak Harta Intelekt Pelan Tindakan Hak Harta Intelekt (IPR) ASEAN	Pelan IPR ASEAN 2011 – 2015 telah diluluskan pada Ogos 2011.
D. Pembangunan Infrastruktur Mekanisme pembiayaan projek infrastruktur	Pada 24 September 2011, perjanjian bagi penubuhan ASEAN Infrastructure Fund (AIF) telah ditandatangani di Washington DC. AIF merupakan satu daripada inisiatif utama bagi menyokong kesalinghubungan fizikal yang sangat penting bagi pelaksanaan Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN.
E. Percukaian Pengelakan cukai dua kali	Semua Negara Anggota ASEAN (kecuali Kemboja) telah menandatangani Perjanjian Dua Hala mengenai Pengelakan Cukai Dua Kali.

⁴ Bursa Malaysia, Bursa Saham Hanoi, Bursa Saham Hochiminh, Bursa Saham Indonesia, Bursa Saham Filipina, Bursa Saham Singapura dan Bursa Saham Thailand.

⁵ Kejuruteraan, Kejururawatan, Senibina, Perkhidmatan Juruukur dan Akauntan serta Pengamal Perubatan dan Pergigian.

⁶ Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam.

⁷ Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Ke Arah Rantau yang Mempunyai Pembangunan Ekonomi Saksama	
A. Pembangunan SME Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan SME (2010 – 2015)	Bagi mempromosikan daya saing dan kemampanan SME, Lembaga Penasihat SME telah ditubuhkan.
B. Inisiatif untuk Integrasi ASEAN Pembangunan sumber manusia	Negara ASEAN-6 bersama dengan Rakan Dialog dan agensi pembangunan menyediakan program binaupaya secara aktif bagi pegawai kerajaan CLMV dalam bidang penggubalan dasar dan pemantauan kawal selia.
Integrasi ke Dalam Ekonomi Global	
A. Pendekatan Koheren ke arah Hubungan Ekonomi Luar Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Kerjasama Ekonomi Komprehensif (CEP)	ASEAN telah memeterai FTAs/CEPs dengan China; Jepun; Republik Korea; India; serta Australia dan New Zealand.
B. Peningkatan Pelibatan dalam Jaringan Bekalan Global Penerimaan amalan terbaik	Pelibatan dalam jaringan bekalan global akan ditingkatkan melalui penerimaan amalan terbaik dan pembangunan pakej bantuan teknikal yang komprehensif kepada negara CLMV untuk menaiktaraf keupayaan industri.

Hala Tuju

Berikutan perkembangan pesat globalisasi, ASEAN akan berusaha secara berterusan ke arah mencapai hala tuju AEC menjelang tahun 2015, yang mana pendirian ASEAN dalam kerjasama dan integrasi serantau terus diperkukuhkan. Selanjutnya, Negara Anggota ASEAN akan mempercepat usaha integrasi dan pembangunan komuniti, di samping mempergiat perhubungan dengan rakan luar bagi memantapkan kedudukan ASEAN sebagai pusat pertumbuhan dan pembangunan. Sementara itu, tumpuan utama turut diberikan kepada usaha mempertingkatkan kesejahteraan dan taraf hidup penduduk serantau.

Proses merealisasikan matlamat AEC merupakan usaha ASEAN yang berterusan, dengan pelibatan pelbagai pihak berkepentingan melalui jalinan usahasama, kekerapan konsultasi dengan sektor swasta, persatuan industri dan pelbagai lapisan komuniti pada peringkat nasional dan serantau. Oleh yang demikian, ASEAN akan terus memainkan peranan yang aktif dalam persekitaran ekonomi global sejajar dengan statusnya sebagai rantau ekonomi yang dinamik.

